

Ada KWSP RM300,000 tapi mohon bantuan rumah untuk asnaf

KWS: 20
BERITA
HARIAN
12/2023

Butterworth: Zakat Pulau Pinang (ZPP) mendedahkan ada individu di negeri itu dikesan memohon bantuan rumah menerusi Skim Inapan Kasih yang diperkenalkan agensi itu, walaupun mempunyai simpanan lebih RM300,000 dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selepas berusia 55 tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Amran Hazali, berkata ZPP kerap menerima permohonan daripada individu yang dilihat cuba mengambil kesempatan terhadap skim bantuan rumah yang ditawarkan kepada golongan asnaf.

Justeru, beliau berkata, ZPP terpaksa memperketatkan syarat permohonan supaya wang pembayar zakat diuruskan dengan berhemat, meskipun agensi itu mendapat kecaman dan dimarahi pelbagai pihak.

“Kita mendapati me-

reka akan menggunakan pelbagai cara... contohnya antara syarat bagi sesiapa yang ingin memohon skim ini (bantuan rumah), perlu ada tanah sendiri,

“Mereka sanggup membeli tanah semata-mata hendak mendapatkan bantuan itu. Perkara sebegini sudah ternyata salah. Apabila kita dapat kenal pasti, memang kita akan tolak terus permohonan mereka,” katanya selepas Majlis Apresiasi Sukarelawan Pengemas Kini Data dan Penyerahan Sagu Hati Jawatankuasa Kariah Negeri Pulau Pinang, di Masjid Al Muhajirin Seberang Jaya, di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Dr Roslan Ahmad.

Terdahulu pada majlis itu, Amran menyampaikan taklimat kepada lebih 100 sukarelawan


berhubung ZPP, termasuk cabaran dihadapi agensi berkenaan apabila terpaksa memperketatkan syarat permohonan terutama dalam Skim Inapan Kasih.

Justeru, katanya, sukarelawan diharap dapat membantu dari segi penyaluran maklumat tepat supaya wang pembayar zakat hanya diberikan kepada asnaf yang layak.

Beliau berkata, bantuan pembinaan rumah melalui skim itu bertujuan menyediakan tempat tinggal selesa kepada asnaf fakir atau miskin.

“Ta juga sebagai antara penyelesaian kepada masalah di Pulau Pinang dengan menyediakan kediaman baharu buat mereka,” katanya.

Untuk rekod, ZPP menyerahkan 22 unit rumah kepada asnaf yang layak pada tahun lalu membabitkan peruntukan berjumlah lebih RM1.33 juta.



Roslan (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan jawatankuasa kariah kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah Seberang Perai Utara, Zulkhairi Ramli sambil disaksikan Amran (kiri) di Masjid Al Muhajirin Seberang Jaya, Butterworth, semalam.

(Foto Danial Saad/BH)